

Banyak janji Pas tidak dilaksanakan — Mustapa

UM T 8 SEP 2009

KUALA LUMPUR 17 Sept. — Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed menegaskan Pas memang membuat pelbagai janji semasa pilihan raya umum lalu, tetapi sampai sekarang kebanyakan janji tersebut tidak dilaksanakan.

Katanya, semua janji tersebut seperti membina jambatan, sekolah, hospital dan kemudahan lain terkandung dalam manifesto pilihan raya parti itu.

Beliau menyangkal kenyataan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat semalam bahawa Pas tidak pernah berjanji untuk membina segala kemudahan tersebut.

Nik Abdul Aziz membuat kenyataan tersebut sebagai reaksi kepada ucapan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semasa upacara perasmian Jambatan Sultan Ismail Petra di Tendong, Pasir Mas, Isnin lalu.

Dalam ucapannya, antara lain Perdana Menteri berkata, Pas adalah sebuah parti yang suka berjanji, tetapi tidak menunaikannya.

Mustapa berkata, salah satu perkara yang dijanjikan dalam manifesto Pas itu ialah pembinaan jambatan keempat merentasi Sungai Kelantan bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas melalui Kota Bharu.

“Saya ingin ingatkan orang Kelantan tentang manifesto Pas semasa pilihan raya umum 1999 yang berjanji untuk menyediakan pelbagai kemudahan asas dan infrastruktur untuk rakyat Kelantan.

“Bagaimanapun, sudah masuk empat tahun, pasir dan simen pun tak nampak,” katanya dalam satu kenyataan hari ini bagi mengulas kenyataan Nik Abdul Aziz itu.

Menurutnya, kelemahan pentadbiran Pas begitu terserlah sehingga menyebabkan pendudukan Kelantan jauh ketinggalan berbanding penduduk negeri lain.

Bagaimanapun, beliau yakin sebahagian besar rakyat Kelantan sedar dan mahukan pemerintahan yang mantap dan berwawasan bagi menangani masalah yang sedang mereka hadapi.